

0067

U 8981 AAB.

MAHATHIR - DADAH R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA YANG MENGHADAPI MASALAH PENGGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH SUPAYA TIDAK MELENGAHKAN USAHA MENGADAKAN TINDAKAN TEGAS DAN BERKESAN TERHADAP +PENGUSAHA-PENGUSAHA BESAR DADAH+.

+MARILAH KITA BERTINDAK DENGAN SEGERA DAN TEGAS UNTUK MENGHAPUSKAN APA-APA BENTUK PERLINDUNGAN KEPADA PENGEDAR-PENGEDAR SERTA HARTA MEREKA YANG DIPEROLEHI SECARA HARAM,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA PERASMIAN PERSIDANGAN DADAH RANTAU ASIA TIMUR DAN PASIFIK DI SINI.

UCAPAN BELIAU DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB.

SEMINAR TIGA HARI ITU, YANG DITAJA BERSAMA OLEH BIRO ASIA TIMUR DAN PASIFIK DAN BIRO ANTARABANGSA MENGENAI HAL EHWAL DADAH, DI JABATAN NEGARA AMERIKA SYARIKAT, DIHADIRI OLEH 70 PEGAWAI PENGUATKUASA DADAH AMERIKA SYARIKAT YANG DITEMPATKAN DI 13 NEGARA ASIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENGGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH (ICDAIT), BERKATA PENGEDAR-PENGEDAR DADAH KINI SEMAKIN BERANI DAN OLEH ITU NEGARA-NEGARA YANG MEMPUYAI MASALAH TERSEBUT PERLU MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA DAN TEGAS BAGI MEMBANTERASNYA.

+BAGI MENENTUKAN KEMPEN INI BENAR-BENAR BERJAYA, TINDAKAN SEDUNIA DIPERLUKAN BESERTA DENGAN KERJASAMA SEMUA NEGARA UNTUK MENYELARASKAN SATU STRATEGI MENYELURUH BAGI MEMBANTERAS GEJALA INI,+ KATANYA. -- LAGI.

1229MST 14 03 88

0068

U 8982 AAB

MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR R R R

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA NEGARA HENDAKLAH BEKERJASAMA KERANA USAHA MEMERANGI DADAH MERUPAKAN USAHA MENYELURUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA EKORAN PERSIDANGAN ICDAIT, DI VIENNA JUN LEPAS, BANYAK NEGARA MULA MEMBERIKAN PERHATIAN BERAT KEPADA USAHA MEREKA UNTUK MEMBANTERAS PENGELUARAN DAN PENGEDARAN DADAH PADA PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA ICDAIT MUNGKIN MEMPERTIMBANGKAN KEMUNGKINAN MEWUJUDKAN SATU PASUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK BEKERJASAMA MENGHAPUSKAN TANAMAN SEPERTI POPI, KOKA DAN GANJA DENGAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR.

PASUKAN ITU JUGA BOLEH MEMBANTU NEGARA-NEGARA PENGELUAR UNTUK MEMPERKETATKAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN TANAMAN GANTIAN BAGI MENGELAKKAN TANAMAN SEMULA POKOK-POKOK BERKENAAN.

+HANYA DENGAN KEAZAMAN KITA BOLEH BERJAYA MENGHAPUSKAN TANAMAN ITU YANG MERUPAKAN SATU FAKTOR UTAMA UNTUK MENGURANGKAN BEKALAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1230MST 14 03 88

0071

U B984 AAB
MAHATHIR - DADAH 3 KUALA LUMPUR R R R
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA DI RANTAU INI, MASALAH SEMPADAN
MENYEBABKAN PIHAK BERKUASA SUKAR MENGAWAL PENGELUARAN DAN PENGEDARAN
DADAH.

KATANYA, KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT JUGA MENGHADAPI MASALAH YANG
SAMA DAN SEDANG Mendapatkan KERJASAMA BENTUK BARU DENGAN
NEGARA-NEGARA YANG BERJIRAN DI KAWASAN PENGELUARAN.

KERJASAMA ERAT ANTARA NEGARA-NEGARA BERSEMPADAN DALAM
MEMBANTERAS PENGEDARAN DADAH MUNGKIN JUGA BOLEH DIJALANKAN DALAM
BENTUK TINDAKAN MEMBURU PENGEDAR.

NEGARA-NEGARA BERKENAAN AKAN DAPAT BERTINDAK SEGERA JIKA
DIPERLUKAN UNTUK MEMBANTU MEMBURU PARA PENGEDAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI MALAYSIA, USAHA MENGHAPUSKAN
HEROIN BERMULA PADA AWAL TAHUN 70-AN DAN LANGKAH-LANGKAH AGRESIF
YANG DIJALANKAN SEJAK ITU TELAH MENGURANGKAN BILANGAN PENAGIH SERTA
RAKYAT ASING YANG DITANGKAP KERANA PENGEDARAN DADAH.

+PENGALAMAN TELAH MENGAJAR KAMI BAHAWA BAGI MENGATASI MASALAH
DADAH DENGAN BERKESAN, TINDAKAN HENDAKLAH DIBUAT SECARA BERSEPADU
DAN SELARAS,+ KATANYA. -- LAGI.

1240MST 14 03 88

0083

U B989 AAB
MAHATHIR - DADAH 4 KUALA LUMPUR R R R
(I)

BELIAU MENAMBAH KATA, USAHA ITU JUGA MEMERLUKAN PEMIMPIN POLITIK
BEKERJASAMA RAPAT DENGAN PENTADBIRAN SERTA SISTEM KEHAKIMAN DI
NEGARA INI.

KATANYA, TAKRIF YANG JELAS MENGENAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI
KALANGAN AGENSI KERAJAAN, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DAN MASYARAKAT
PERLU DIADAKAN.

+SIKAP DAN NILAI YANG BERBEZA-BEZA MENGENAI DADAH TIDAK HARUS
MELALAIKAN KITA DARIPADA BERUSAHA MENGADAKAN DASAR YANG KETAT
TERHADAP PENAGIHAN DAN PENGEDARAN,+ KATANYA.

PARLIMEN SEDANG MEMBAHASKAN RANG UNDANG-UNDANG BAGI MEMBOLEHKAN
RAMPASAN HARTA BENDA YANG DIPEROLEHI DARIPADA PENGEDARAN DADAH SERTA
MENGADAKAN SKIM MENYELURUH UNTUK MENYEDIAKAN BANTUAN PERUNDANGAN
KEPADA NEGARA-NEGARA YANG MEMERLUKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SATU LANGKAH LAIN YANG TERBUKTI
BERJAYA DI MALAYSIA DAN NEGERA-NEGARA LAIN IALAH MENARIK BALIK
DOKUMEN PERJALANAN, PASPORT DAN PAS LAWATAN DARIPADA MEREKA YANG
DISYAKI ATAU SABIT KESALAHAN MENGEDAR DADAH.

MENGENAI PERSIDANGAN ITU, BELIAU BERKATA IA SUDAH TENTU
MENINGKATKAN USAHA MEMERANGI GEJALA DADAH PADA PERINGKAT
ANTARABANGSA.

KATANYA, MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT SEJAK BERTAHUN-TAHUN LALU
MENGADAKAN KERJASAMA ERAT DALAM LAPANGAN ITU SAMA ADA PADA PERINGKAT
DUA HALA ATAU PELBAGAI HALA. -- BERNAMA.

1325MST 14 03 88